

PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG

d/a LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

Laman Web : <http://www.lpp.gov.my>

No.20 MENARA LPP, JALAN SULTAN SALAHUDDIN, 50480 KUALA LUMPUR

E-mail : info@lpp.gov.my

ATAU KARUNG BERKUNCI 11005, 50990 KUALA LUMPUR

Email Bahagian : lpphq_penyeliaan@lpp.gov.my

TEL : 03 - 2610 9600 FAX : 03 - 2697 0872 BAHAGIAN PENYELIAAN TEL : 03-2610 9600 FAX : 03-2697 0872

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : LPP (B) 5/6 Jld.7 (37)
Tarikh : 31 Mei 2016

ARAHAN PENDAFTAR PERTUBUHAN PELADANG BILANGAN 4 TAHUN 2016

KAEDAH TABUNG PEMBANGUNAN USAHAWAN KORTANI (TPUK) PERTUBUHAN PELADANG

1. TUJUAN

Tujuan arahan ini dikeluarkan adalah untuk mewujudkan suatu tabung:-

- 1.1. Memberi pinjaman kepada usahawan peladang muda (Kortani) Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) atau usahawan Kortani untuk memulakan, membesarkan atau meningkatkan kapasiti kegiatan mereka.
- 1.2. Memberi pinjaman kepada usahawan Kortani yang berkelayakan berumur 18 tahun hingga 40 tahun untuk memulakan, membesarkan atau meningkatkan kegiatan mereka terutama dalam skop pengeluaran, pemasaran dan pemprosesan.
- 1.3. Memberi pinjaman kepada usahawan Kortani baru PPK yang berpotensi dan berdaya maju.

2. LATARBELAKANG

- 2.1. Pada 25 Mac 2013 YAB Dato' Seri Mohd Najib Bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah meluluskan peruntukan khas berjumlah RM 28.0 juta yang mana RM 7.2 juta adalah untuk pembangunan ahli-ahli kortani. Peruntukan **secara 'one off'** ini amat bermakna kepada proses pembangunan ahli-ahli kortani MOA bagi menarik minat mereka sebagai pelapis dalam sektor pertanian masa depan. LPP amat berharap agar kerajaan dapat memperuntukan bajet ini setiap tahun mulai tahun 2014.
- 2.2. Menyediakan sumber pembiayaan secara pinjaman tanpa faedah kepada ahli-ahli Kortani (individu dan berkelompok) untuk meningkatkan tahap pengeluaran, perkhidmatan dan pemprosesan dalam bidang pertanian negara.
- 2.3. Di bawah RMKe 10 (2011 - 2015) Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) telah mewujudkan Program Pembangunan Usahawan Kortani (PUK) dan Kaedah Tabung Pembangunan Usahawan Kortani telah disediakan bawah Arahan Pendaftar Pertubuhan Peladang Bil. 5 Tahun 2015 dan telah diterima pakai di peringkat Pertubuhan Peladang (PP).
- 2.4. Program ini dijangka mampu meningkatkan pendapatan bersih 1,000 usahawan peladang melebihi RM 4,000 sebulan menjelang tahun 2015 dan secara tidak langsung meningkatkan sumbangan kepada pengeluaran makanan negara.
- 2.5. Skop pinjaman meliputi projek seperti berikut :-
 - 2.5.1. Projek Ekonomi
 - (a) Industri Asas Tani (IAT) (Contoh: Penghasilan produk proses berasaskan makanan dan bukan makanan pertanian serta aktiviti sokongan IAT)

- (b) Pengeluaran Pertanian (Contoh: Tanaman Sayur-Sayuran, Ternakan, dan Akuakultur)
- (c) Perkhidmatan (Contoh: Agropelancongan, Agen Pemasaran, Kejenteraan Ladang dan Pengangkutan)

2.6. Had maksimum pinjaman bagi setiap peminjam bagi semua skop projek ekonomi adalah RM10,000.

3. PUNCA DAN HAD KUASA

3.1. Kuasa Diberi

3.1.1 Seksyen 6(1)(e) Akta Pertubuhan Peladang 1973 [Akta 109].

Memperuntukkan PP membangunkan aktiviti ekonomi dan sosial dengan mengadakan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan kredit bagi memulakan pelaburan dalam bidang pertanian dan ekonomi.

3.1.2 Seksyen 35(2)(h) Akta Pertubuhan Peladang 1973 [Akta 109].

Menjelaskan bahawa Pendaftar diberi kuasa (melalui Peraturan PP) menetapkan kaedah-kaedah dan tatacara yang perlu dipatuhi oleh PP.

3.2. Had Kuasa

3.2.1 Peraturan 85 Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983

Pendaftar boleh, jika difikirkan perlu mengeluarkan arahan-arahan atau menetapkan borang-borang pada melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta dan peraturan-peraturan ini.

3.2.2 Peraturan 66 Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983
Mengenai akaun-akaun untuk disimpan.

3.2.3 Perkara 20 Perlembagaan Pertubuhan Peladang
Mengenai Kumpulan-Kumpulan Wang.

3.2.4 Perkara 70 Perlembagaan Pertubuhan Peladang
Memperjelas mengenai keperluan mempunyai peraturan serta
tatacara pengurusan kaedah tabung di peringkat PP.

4. PELAKSANAAN

- 4.1 Kaedah Tabung Pembangunan Usahawan Kortani (TPUK) ini hanya boleh digunakan oleh PPK apabila telah didaftarkan oleh Pendaftar.
- 4.2 Pinjaman daripada LPP kepada PP dibuat secara geran manakala pinjaman daripada PP kepada usahawan peladang adalah secara 50% pinjaman dan 50% geran dalam bentuk mata benda (harta modal/inventori) mengikut jenis projek.
- 4.3 Bayaran perkhidmatan dikenakan ke atas usahawan Kortani sebanyak 3% atas jumlah pinjaman dan dibayar sekaligus sebelum pinjaman dikeluarkan. Bayaran ini adalah untuk membiayai kos penyediaan dokumen perjanjian, *stamping*, penghantaran surat dan lain-lain perkara berkaitan urusan kutipan balik pinjaman.
- 4.4 Usahawan Kortani dikehendaki membuat bayaran balik mengikut jadual yang telah ditetapkan secara tunai kepada PPK.
- 4.5 Penjadualan bayaran balik pinjaman boleh dipertimbangkan atas persetujuan PPK.

- 4.6 Terimaan bayaran tunai daripada usahawan Kortani, PP hendaklah menyumbang 80% kepada TPUK yang diselenggara di bawah Akaun Tabung Pembangunan Usahawan Kortani (ATPUK) di Bahagian Kewangan, LPP (pinjaman PUK yang pertama sahaja). Manakala 20% baki bayaran tunai tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam TPUK yang diwujudkan di PPK.

5. PROSEDUR DAN PROSES PENDAFTARAN KAEDAH

- 5.1. Kaedah TPUK ini hendaklah dibincangkan dan diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Pengarah dan Mesyuarat Agung Tahunan atau Mesyuarat Agung Luar Biasa PP dan seterusnya dikemukakan kepada Pendaftar untuk didaftarkan.
- 5.2. Segala tatacara perakaunan mestilah menepati kod akaun, tajuk akaun dan catatan bergu yang terlibat. Senarai kod perakaunan bagi setiap transaksi yang terlibat bagi program PUK ini adalah merujuk kepada Manual Perakaunan PP.
- 5.3. Manual Perakaunan PP (2006) adalah manual terkini yang dikeluarkan melalui Arahan Pendaftar PP Bil. 4 Tahun 2006. PPK diwajibkan melaksanakan semua tatacara perakaunan berpandukan manual ini.

6. TARIKH KUATKUASA

Arahan Pendaftar ini berkuatkuasa mulai³⁰ haribulan **Mei** tahun **Dua Ribu Enam Belas.**

30



(DATO' HAJI MOHD. SALIM BIN HAJI TAHA)

Pendaftar

Pertubuhan Peladang

**KAEDAH TABUNG
PEMBANGUNAN USAHAWAN KORTANI (TPUK)**

1.0 NAMA

Suatu kumpulan wang yang dinamakan **Tabung Pembangunan Usahawan Kortani (TPUK)** Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) diwujudkan di bawah Perkara 51(xv) Perlembagaan Pertubuhan Peladang setelah dipersetujui oleh ahli-ahli di dalam suatu Mesyuarat Agung Tahunan Pertubuhan Peladang Kawasan. Tabung PUK ini berkuatkuasa pada tarikh ia didaftarkan oleh Pendaftar Pertubuhan Peladang.

2.0 TAFSIRAN

Di dalam kaedah ini melainkan ada suatu perkara atau perkataan yang berlainan maknanya, maka tafsiran berikut adalah dipakai:-

- a) **"Akta"** maknanya Akta Pertubuhan Peladang 1973 [Akta 109].
- b) **"Peraturan"** maknanya Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 1983.
- c) **"Pendaftar"** maknanya Pendaftar Pertubuhan Peladang di bawah Seksyen 7 Akta Pertubuhan Peladang 1973.
- d) **"Perlembagaan"** maknanya Perlembagaan Pertubuhan Peladang yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973 [Akta 109].
- e) **"Tabung"** maknanya Tabung Pembangunan Usahawan Kortani yang diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan Peladang.

- f) "**Jawatankuasa Tabung**" maknanya Jawatankuasa Tabung Pembangunan Usahawan Kortani yang dilantik oleh Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kawasan.
- g) "**AJP**" maknanya Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang yang dilantik di bawah Perlembagaan Pertubuhan Peladang yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973 [Akta 109].
- h) "**LPP**" maknanya Lembaga Pertubuhan Peladang yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973 [Akta 110].
- i) "**PPK**" maknanya Pertubuhan Peladang Kawasan yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973 [Akta 109].
- j) "**Usahawan**" maknanya ahli individu Pertubuhan Peladang Kawasan yang menceburi bidang pengeluaran, perkhidmatan atau Industri Asas Tani (IAT) berkaitan pertanian.
- k) "**Kortani**" maknanya ahli-ahli individu Pertubuhan Peladang Kawasan yang berumur 18 tahun hingga 40 tahun.
- l) "**PUK**" maknanya projek-projek di bawah Program Pembangunan Usahawan Kortani di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang.
- m) "**TPUK**" maknanya projek-projek di bawah Program Tabung Pembangunan Usahawan Kortani di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang mulai tahun 2011.
- n) "**Ahli**" maknanya ahli individu Pertubuhan Peladang Kawasan.
- o) "**ATPUK**" maknanya Akaun Tabung Pembangunan Usahawan Kortani di Bahagian Kewangan, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

3.0 PEMAKAIAN TABUNG

Terhad kepada ahli-ahli PPK yang menjalankan aktiviti keusahawanan di PPK serta mendaftar menjadi ahli Kortani dan berumur 18 tahun hingga 40 tahun.

4.0 SUMBER KEWANGAN

Diperolehi daripada beberapa sumber:-

- a) Bayaran balik pinjaman usahawan Kortani PPK di bawah Program PUK.
- b) Sumbangan daripada orang perseorangan/pihak kerajaan/swasta kepada tabung.
- c) Sumbangan daripada peruntukan belanjawan pembangunan tahunan PPK.
- d) Pembahagian keuntungan bersih tahunan dari kegiatan PPK yang disumbangkan kepada tabung tertakluk kepada kelulusan pendaftar.
- e) Faedah simpanan yang diperolehi daripada simpanan wang TPUK

5.0 AKAUN

Pertubuhan Peladang Kawasan hendaklah membuka satu akaun bank yang berasingan bagi mengendalikan tabung ini. Tatacara Perakaunan Kaedah Tabung PUK adalah seperti di **Lampiran 1**.

6.0 PENGURUSAN TABUNG

6.1. Bayaran Perkhidmatan Dan Sumbangan

- a) Bayaran perkhidmatan dikenakan ke atas usahawan Kortani sebanyak 3% atas jumlah pinjaman dan dibayar sekaligus sebelum pinjaman dikeluarkan.
- b) PPK perlu menyumbang 80% daripada bayaran balik pinjaman yang diperolehi daripada Program TPUK ke dalam ATPUK di Bahagian Kewangan, LPP.

6.2. Peranan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)

- a) Pengurus Besar bertindak sebagai setiausaha Jawatankuasa Tabung.
- b) Mengenalpasti pemohon (usahawan Kortani).
- c) Membantu menyediakan dokumen berkaitan.
- d) Membuat siasatan ke atas dan memberi sokongan terhadap permohonan.
- e) Menyedia dan menyempurnakan dokumen perjanjian TPUK.
- f) Membuat bayaran pinjaman berasaskan spesifikasi dan punca bekalan yang telah dikenalpasti oleh pemohon (peminjam).
- g) Membuat pemantauan projek.
- h) Mengeluarkan pinjaman kepada usahawan yang berjaya.

- i) Mengutip bayaran balik pinjaman daripada usahawan Kortani dan dimasukkan dalam tabung yang diwujudkan di peringkat PPK.
- j) Membayar sumbangan kepada ATPUK di LPP Negeri seperti kadar yang ditetapkan.
- k) Menyediakan laporan prestasi projek dan kelulusan pinjaman setiap penggal (empat (4) bulan sekali/tiga (3) kali setahun) kepada LPP Negeri/Ibu Pejabat.

6.3 Peranan Pemohon (Peminjam)

- a) Mengisi borang dan melengkapkan semua dokumen serta mendapatkan pengesahan jabatan atau agensi berkaitan dengan projek yang beliau jalankan.
- b) Menentukan spesifikasi bekalan dan punca bekalan.
- c) Melaksanakan dan mengurus projek dengan penuh komitmen bagi menjamin kejayaannya.
- d) Menyediakan laporan projek setiap bulan kepada PPK.
- e) Membayar balik pinjaman sebagaimana Jadual Bayaran Balik yang ditetapkan.
- f) Akujanji bayaran balik pinjaman TPUK.
- g) Menyempurnakan borang perjanjian TPUK.

6.4 Keperaturan Mesyuarat Jawatankuasa Tabung PPK

Pertubuhan Peladang Kawasan perlu mengadakan mesyuarat Jawatankuasa Tabung sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun. Kehadiran anggota LPP adalah diwajibkan. Mesyuarat perlu membincangkan perkara-perkara permohonan pinjaman, prestasi bayaran balik dan kewangan tabung.

7.0 KEGUNAAN TABUNG

- a) Memberi pinjaman kepada usahawan Kortani PPK sedia ada dan usahawan baru di bawah Program TPUK untuk projek baru yang berpotensi dan membesarkan/meningkatkan kapasiti kegiatan mereka.
- b) Memberi pinjaman kepada lain-lain usahawan Kortani PPK yang berkelayakan untuk projek baru atau membesarkan/meningkatkan kapasiti kegiatan mereka.
- c) Memberi pinjaman kepada usahawan Kortani PPK yang berpotensi dan berdaya maju.
- d) Bayaran sumbangan 80% daripada bayaran balik pinjaman yang diperolehi daripada Program TPUK ke dalam ATPUK di Bahagian Kewangan, LPP.

8.0 KELAYAKAN PENERIMA TABUNG

- a) Ahli PPK.
- b) Saham minimum RM200.00
- c) Mengusahakan projek yang berdaya maju.
- d) Mampu menyediakan sebahagian daripada modal projek.
- e) Memenuhi skop projek berasaskan pertanian;

- i. Industri Asas Tani.
 - ii. Pengeluaran Makanan (Tanaman, Ternakan dan Akuakultur).
 - iii. Perkhidmatan atau pemasaran.
- f) Tidak mempunyai baki pinjaman di bawah Tabung ini.
- g) Umur pemohon adalah 18 tahun hingga 40 tahun sahaja

9.0 PERMOHONAN


Semua permohonan pinjaman Tabung PUK hendaklah dibuat menggunakan borang permohonan pinjaman yang ditetapkan. Beberapa dokumen penting yang terlibat dengan tabung ini ialah:

- | | | |
|---------------------------------|---|------------|
| a. Borang Permohonan | - | LAMPIRAN 2 |
| b. Surat Tawaran Pembiayaan | - | LAMPIRAN 3 |
| c. Akuan setuju terima peminjam | - | LAMPIRAN 4 |
| d. Ikrar Peminjam | - | LAMPIRAN 5 |

10.0 BENTUK PINJAMAN

Bentuk pinjaman yang boleh dikeluarkan adalah dalam bentuk mata benda (harta modal/inventori) mengikut jenis projek. Pemohon dikehendaki mengemukakan dengan jelas keperluan projek dalam borang permohonan. Sebarang perubahan skop dan keperluan perlu dibawa untuk mendapat kelulusan Jawatankuasa Teknikal Program Kortani MOA yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah LPP, manakala ahli-ahlinya adalah daripada wakil-wakil jabatan dan agensi di bawah MOA.

11.0 CARTA ALIR PENGELUARAN PINJAMAN



12.0 KADAR PINJAMAN/TABUNG

Amaun diluluskan adalah tertakluk kepada keperluan projek yang dinyatakan dalam borang permohonan dengan had pembiayaan maksimum RM10,000.00. Pinjaman ini dimeterai melalui dua peringkat iaitu perjanjian antara LPP dengan PPK seperti di LAMPIRAN 8 dan perjanjian antara PPK dengan ahli PPK (peminjam) seperti di LAMPIRAN 9.

13.0 TEMPOH BAYARAN BALIK PINJAMAN

Tempoh bayaran balik pinjaman oleh usahawan tidak melebihi 60 bulan bagi pinjaman maksimum RM10,000 dan 36 bulan bagi pinjaman kurang dari RM10,000. Dalam tempoh ini, bayaran balik pinjaman hendaklah dibayar mengikut jadual bayaran balik pinjaman seperti yang ditetapkan dalam perjanjian. Surat pemberian pembiayaan rujuk LAMPIRAN 6 dan penyata bayaran balik rujuk LAMPIRAN 7.

14.0 TINDAKAN KE ATAS HUTANG YANG LEWAT MASA

Jika usahawan Kortani gagal untuk membayar balik pinjaman dalam tempoh yang ditetapkan, PPK boleh mengambil tindakan:-

- a) Menghantar surat peringatan kepada usahawan berkenaan mengenai hutang yang lewat masa. Surat peringatan hendak dihantar setiap bulan melalui pos atau Ketua Unit.
- b) Memotong daripada akaun wang simpanan usahawan dengan PPK (jika ada) berdasarkan tatacara sedia ada.
- c) Menuntut dari penjamin-penjamin jika ada.

- d) Jika perkara a, b, dan c telah diambil tindakan tetapi gagal, maka PPK boleh menarik balik harta tetap projek yang dibiayai melalui pinjaman berdasarkan dengan nilai semasa.
- e) Merujuk pada Pendaftar untuk melantik penimbangtara bagi menyelesaikan hutang.

15.0 TAHUN KEWANGAN

Tahun kewangan tabung ini adalah mengikut tahun kewangan PPK bagi setiap tahun.

16.0 PEMERIKSAAN KEPADA BUKU DAN REKOD PERAKAUNAN

Ahli Jemaah Pengarah, Audit Dalam PPK dan Pegawai LPP yang diberi kuasa oleh Pendaftar, mempunyai hak untuk memeriksa dan membuat teguran mengenai buku dan rekod perakaunan tabung bagi memastikan penggunaan wang tabung diguna bagi tujuan yang diluluskan.

17.0 PERLANTIKAN JAWATANKUASA TABUNG

- a) Sebuah Jawatankuasa dengan keanggotaan sekurang-kurang tiga (3) orang ahli yang dilantik oleh Mesyuarat Jemaah Pengarah PPK hendaklah terdiri daripada sekurang-kurang tiga (3) orang AJP di mana salah seorang sebagai Pengerusi dan;
- b) Pengurus Besar adalah Setiausaha kepada Jawatankuasa Tabung PUK dan dibenarkan melantik urusetia dari kalangan Pengurus Bahagian berkenaan bagi membantu kerja-kerja Setiausaha Jawatankuasa Tabung.

18.0 KUASA-KUASA JAWATANKUASA TABUNG

- a) Menimbang dan menapis setiap permohonan mengikut syarat-syarat kelayakan penerimaan tabung.
- b) Memperaku permohonan pinjaman dan membawa keputusan dalam Mesyuarat AJP.

19.0 KUASA-KUASA MELULUS, MENOLAK, MENARIK BALIK DAN MENGHAPUSKIRA PINJAMAN

- a) Kuasa melulus, menolak dan menarik balik pinjaman hendaklah diserahkan kepada keputusan Mesyuarat Jemaah Pengarah.
- b) Kuasa menghapuskira pinjaman hendaklah diserahkan kepada keputusan Mesyuarat Jemaah Pengarah dan Mesyuarat Agung PPK.

20.0 AUDIT KEWANGAN

Akaun Tabung ini hendaklah diaudit sebagai akaun Pertubuhan Peladang Kawasan bagi setiap tahun kewangan.

21.0 PERTIKAIAN

Sebarang pertikaian yang berbangkit hendaklah dirujuk kepada Perlembagaan Pertubuhan Peladang, Peraturan-peraturan Pertubuhan Peladang 1983 dan Pendaftar yang akan membuat keputusan muktamad.

22.0 PENGGANTUNGAN

Dalam keadaan tertentu apabila tabung ini menghadapi masalah kewangan, maka Jemaah Pengarah PPK hendaklah menggantungkan aktiviti tabung ini sehingga masalah kewangan itu dapat dipulih semula.

24.0 PEMBUBARAN

Ahli Jemaah Pengarah PPK mempunyai kuasa untuk membubarkan Tabung PUK sekiranya terdapat perkara-perkara yang munasabah untuk berbuat demikian tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Agung PPK dan Pendaftar.

Disahkan oleh

()
Pengerusi Jemaah Pengarah
Pertubuhan Peladang

()
Jemaah Pengarah
Pertubuhan Peladang

()
Jemaah Pengarah
Pertubuhan Peladang

Didaftarkan pada hari ini oleh

()
Pendaftar Pertubuhan Peladang

LAMPIRAN 1

TATACARA PERAKAUNAN

**TATACARA PERAKAUNAN
PROGRAM TABUNG PEMBANGUNAN USAHAWAN KORTANI (PUK)**

A) GERAN TPUK DARIPADA LPP DIBERI KEPADA PP

1. PP terima geran TPUK daripada LPP dalam bentuk mata benda

Dr	Aset Tetap (RBK)/Stok (RBK)	xx	
	Cr Rizab Bantuan Kerajaan		xx

2. PP Bayar Bayaran Perkhidmatan 1% kepada LPP

Dr	Kos Perkhidmatan – 1% dari pinjaman	xx	
	Cr Tunai		xx

3. PP memberi pinjaman kepada usahawan

Dr	Pinjaman Tanpa Cagaran	xx	
	Cr Aset Tetap (RBK) / Stok (RBK)		xx

4. PP menerima bayaran balik daripada usahawan

Dr	Tunai	xx	
	Cr Pinjaman Tanpa Cagaran		xx
Dr	Rizab Bantuan Kerajaan	xx	
	Cr Tabung Pembangunan Usahawan Kortani		xx

5. PP bayar kepada LPP (ATPUP) - 80% atas setiap bayaran balik yang diterima

Dr	Tabung Pembangunan Usahawan Kortani	xx	
	Cr Tunai		xx

B) PEMBIAYAAN DARIPADA TPUK KEPADA USAHAWAN DALAM BENTUK MATA BENDA

1. PP terima bayaran perkhidmatan 3% daripada usahawan

Dr	Tunai	xx	
	Cr Pendapatan (Bayaran Perkhidmatan)		xx

2. PP memberi pinjaman kepada usahawan

2.1 Pinjaman dalam bentuk tunai

Dr	Pinjaman Tanpa Cagaran (PTC)	xx	
	Cr Tunai		xx

2.2 Pinjaman dalam bentuk mata benda

Dr	Pembayaran Terdahulu	xx	
	Cr Tunai		xx

Dr	Pinjaman Tanpa Cagaran (PTC)	xx	
	Cr Pembayaran Terdahulu		xx

2.3 Pinjaman dalam bentuk tunai dan matabenda

Dr	Pembayaran Terdahulu (mata benda)	xx	
	Cr Tunai		xx

Dr	Pinjaman Tanpa Cagaran (PTC)	xx	
	Cr Pembayaran Terdahulu		xx
	Cr Tunai		xx

Dan pada masa yang sama;

Dr	Tabung Pembangunan Usahawan Kortani	xx	
	Cr Rizab Bantuan Kerajaan		xx

3. PP menerima bayaran balik daripada usahawan

Dr	Tunai	xx	
	Cr Pinjaman Tanpa Cagaran		xx

Dr	Rizab Bantuan Kerajaan	xx	
	Cr Tabung Pembangunan Usahawan Kortani		xx

(Nota:- PP tidak perlu membuat bayaran kepada ATPUK - 50% atas setiap bayaran balik yang diterima)

LAMPIRAN 2


BORANG PERMOHONAN



**BORANG PERMOHONAN
TABUNG PEMBANGUNAN USAHAWAN KOR TANI
(KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASASTANI)**

**UNIT PEMBANGUNAN KOR TANI
BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN
LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG**

**BORANG PERMOHONAN
TABUNG PEMBANGUNAN USAHAWAN KOR TANI (TPUK)**



A. MAKLUMAT ASAS PEMOHON

1. Negeri:
2. PPK/PNK :
3. Unit Peladang/Nelayan:
4. Nama Pemohon:
5. No. Kad Pengenalan: 6. Umur pada tarikh memohon:
7. No. Ahli PPK/PNK:.....
8. Tarikh menjadi ahli PPK/PNK:
9. Jumlah Saham: RM.....
10. Jumlah Simpanan di PPK/PNK : RM.....
11. Jawatan di PPK/PNK (nyatakan): Ahli biasa/Perwakilan Unit/AJK Unit/AJP PPK/
lain-lain.
 - i.
 - ii.
 - iii.
 - iv.
 - v.
 - vi.
12. Pekerjaan :.....
13. Alamat surat-menyurat:
.....
.....
14. Poskod: 15. No. Tel:

B. MAKLUMAT SYARIKAT / PERNIAGAAN (Jika ada)

- 1. Nama Syarikat :
- 2. Alamat Syarikat :
- 3. Pemilikan Syarikat :
(Enterprise/Bhd/Sdn. Bhd)
- 4. No. Pendaftaran Syarikat :

** Tandakan (✓) mana yang berkenaan*

C. KETERANGAN PERIBADI PEMOHON

- 1. Tarikh Lahir: 2. Tempat Lahir:
- 3. Jantina: (Lelaki/Perempuan) 4. Kewarganegaraan:
- 5. Bangsa: 6. Agama:
- 7. Taraf Perkahwinan: (Berkahwin/Bujang/Duda/Janda)
- 8. Nama Suami/Isteri:
- 9. Pekerjaan Suami/Isteri:
- 10. Pendapatan Bulanan Suami/Isteri:
- 11. Tahap Pendidikan Tertinggi : Tahun :
- 12. * Kursus/Bengkel/Seminar yang pernah dihadiri:

Jenis Kursus	Anjuran	Tahun	Tempat
1.			
2.			
3.			
4.			

D. PERIHAL PROJEK

- 1. **Perihal Projek Sedia Ada**
(Mesti ada kaitan dengan projek dipohon)

1.1 Bidang Projek:.....
(Pengeluaran/Pemasaran/Pemprosesan)

1.2 Jenis projek:

1.3 Saiz projek sedia ada :
(hektar/ekor/tan/unit/lain-lain)

Tempoh projek telah dilaksana: Tahun Mula :

Status Tapak Projek :
(sendiri/sewa/tanah kerajaan/lain-lain)

1.4 Lokasi/Alamat Tapak Projek :

.....

1.5 Anggaran pendapatan (kasar) : RM/tahun

1.6 Anggaran perbelanjaan (kos berubah) : RM/tahun

1.7 Anggaran pendapatan (bersih) : RM/tahun

2. Perihal Projek Yang Dipohon

2.1 Jenis projek

2.2 Saiz projek:

2.3 Status projek:

PERKARA	SEDIA ADA (SAIZ)	AKAN DATANG (SAIZ)
PROJEK BARU		
PEMBESARAN		
PEBNAMBAHBAIKAN		

2.4 Status Tapak Projek :

PERKARA	TANDAKAN (/)
TANAH SENDIRI	
SEWA	
PAJAK	

Alamat Tapak Projek :

.....

Butir-Butir keperluan Yang Dipohon :

- a.RM.....
 - b.RM.....
 - c.RM.....
 - d.RM.....
 - e.RM.....
- JUMLAH RM.....**

3. Untuk Diisi Bagi Kategori Permohonan Projek Kelompok

Ketua Projek Kelompok PP/PN/KOOP :

- 1. Nama:
- 2. No Kad Pengenalan:
- 3. Pekerjaan:

Ahli Projek Kelompok PP/PN/KOOP :

- 1. Nama:
No. Kad Pengenalan:
- 2. Nama:
No. Kad Pengenalan:
- 3. Nama:
No. Kad Pengenalan:
- 4. Nama:
No. Kad Pengenalan:

4. Pemasaran

- 4.1 Anggaran kuantiti keluaran:
- 4.2 Dimana dipasarkan:

5. **Aspek Ekonomi/Kewangan**

5.1 Bilangan musim/pusingan setahun = kali

5.2 Jumlah Kos Tetap RM

5.3 Jumlah Kos Berubah RM

5.4 Pendapatan: RM

5.5 **Keperluan pembiayaan**

Modal sendiri RM

Pinjaman RM.....

6. **MENTOR**

Nama :

Jenis Projek :

E. **PENGAKUAN:**

Saya.....K/P:.....

mengesahkan bahawa maklumat yang diberi dalam permohonan ini adalah lengkap dan betul. Sekiranya keterangan/maklumat tersebut didapati **TIDAK LENGKAP** atau **PALSU**, pihak penganjur berhak menolak atau membatalkan permohonan ini.

Tarikh:

.....
(Tandatangan Pemohon)

F. **PENGESAHAN DAN PENGAKUAN**

Ulasan oleh Pengurus Besar PPK/PNK

.....
.....
.....

Pemasaran:

Aspek Teknikal

- a. Kesesuaian tapak projek
- b. Pengetahuan dan kemahiran pemohon
- c. Potensi projek

Kemudahan asas yang ada

Jalan ladang

Letrik

Bekalan air

Sumber bekalan input projek:

- a.
- b.
- c.

Tarikh:

Tandatangan.....

Nama:

Cop Jawatan:

2. Sokongan

Ketua UP/UN/JKKK :

Tandatangan

Nama

Cop

3. Ulasan oleh Pengerusi AJP PPK/PNK

3.1 Peribadi pemohon :

3.2 Potensi projek :

3.3 Sokongan :

3.4 Keputusan Mesyuarat AJP / Biro PPK/PNK

3.4.1 Tarikh :

3.4.2 Cabutan Minit :

3.4.3 Keputusan :

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

Cop Jawatan:

G. PENGESAHAN DAN PENGAKUAN JABATAN / AGENSI NEGERI

1. Pengesahan Oleh Jabatan Teknikal di MOA:

Nama Pegawai :

Jabatan/Agensi :

Ulasan :

.....

Tarikh:

Tandatangan:

Cop Jawatan:

2. Ulasan oleh Pegawai Pembangunan Negeri (LPP/LKIM)

2.1 Lawatan/pemeriksaan projek

- a. Tarikh lawatan (gambar projek) :
 - b. Tarikh perbincangan dengan pemohon :
 - c. Ulasan status projek sedia.....
 - d. Ulasan sifat keusahawanan pemohon.....
 - e. Ulasan fizikal pemohon.....
 - f. Ulasan keseluruhan :
-

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

Cop Jawatan:

3. Temuduga (jika perlu oleh Jawatankuasa Pembiayaan Peringkat Negeri)

3.1 Tarikh:.....

3.2 Tempat:

3.3 Laporan Temuduga:

4. Keputusan Jawatankuasa Pembiayaan Agensi Negeri

- 4.1 Sokong/Tidak Sokong/Dalam Perhatian :
- 4.2 Jumlah Peruntukan Disokong RM
- 4.3 Ulasan :
-

..... Tandatangan AJK Tandatangan Pengarah Agensi Negeri Tandatangan AJK
Nama: Tarikh:	Nama: Tarikh:	Nama: Tarikh:

5. Kegunaan Ibu Pejabat

Kelulusan Jawatankuasa Tabung Pembangunan Usahawan Kor Tani (TPUK)

TARIKH	NAMA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)


Rujukan Keputusan Mesyuarat :

Tarikh :

Jumlah diluluskan : RM.....

.....
Tandatangan
Pengerusi JK Teknikal Program
Kortani MOA

CARTA ALIRAN KERJA
PENGURUSAN PERMOHONAN DAN KELULUSAN PINJAMAN PROGRAM TABUNG PEMBANGUNAN
KORTANI (TPUK)



LAMPIRAN 3

SURAT TAWARAN PEMBIAYAAN

Rujukan :
Tarikh :

Nama :
Alamat :
.....
.....

Tuan/Puan,

TAWARAN PEMBIAYAAN PERUNTUKAN PROGRAM TABUNG PEMBANGUNAN USAHAWAN KOR TANI (TPUK)

Dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa permohonan tuan/puan bagi melaksanakan projek adalah diluluskan. Kelulusan peruntukan adalah bagi melaksanakan projek tersebut tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- a. Jumlah pembiayaan adalah diluluskan berjumlah RM..... di mana 50 peratus adalah secara grant manakala 50 peratus lagi perlu dibayar balik secara ansuran bulanan kepada PPK masing-masing.
- b. Pinjaman yang diluluskan adalah dalam mata benda bagi membiayai projek tersebut di atas sahaja.
- c. Menandatangani dokumen-dokumen yang telah ditetapkan seperti Surat Akuan Setuju Terima, Ikrar Peserta, Perjanjian Pinjaman dan Jadual Bayaran Balik Pinjaman.
- d. Membenarkan pegawai-pegawai Jabatan atau Agensi dan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) mengadakan lawatan penyeliaan/pemantauan ke atas projek pada bila-bila masa.
- e. Menyertai aktiviti kemasyarakatan dan sebarang latihan/mesyuarat yang dianjurkan agensi di bawah MOA.
- f. Tidak menyerahkan projek/harta benda kepada orang lain atau pihak lain tanpa kebenaran bertulis daripada jabatan dan agensi berkaitan.
- g. Mengemukakan laporan prestasi projek secara bulanan kepada PPK
- h. Melaksanakan projek dengan bersungguh-sungguh dan dengan jayanya.

2. Tuan/puan diminta menandatangani **Akuan Setuju Terima (Lampiran 4), Ikrar Peserta (Lampiran 5) dan Jadual Bayaran Balik Pinjaman (Lampiran 6)** yang disertakan sekiranya bersetuju dengan tawaran ini dan mengembalikan kepada PPK/PNKdalam tempoh **tujuh (7) hari** dari tarikh surat ini diterima.

3. Kegagalan tuan/puan menyempurnakan **Akuan Setuju Terima** ini dalam tempoh ditetapkan mengakibatkan tawaran ini terbatal dengan sendirinya.

Sekian. Terima kasih.

Tema MAHA International & Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2014
'AGROTEKNOLOGI PEMANGKIN TRANSFORMASI'

'JIHAD MEMERANGI ORANG TENGAH'

Saya yang menurut perintah,

()
Pengurus Besar,
Pertubuhan Peladang Kawasan
.....

s.k

Pengarah,
Bahagian Pembangunan Modal Insan,
Lembaga Pertubuhan Peladang

Pengarah,
Lembaga Pertubuhan Peladang
Negeri

***Nota : Surat tawaran ini dibuat oleh PPK/PNK di kawasan terlibat.**

LAMPIRAN 4

AKUAN SETUJU TERIMA

AKUAN SETUJU TERIMA

Saya..... No. Kad Pengenalan.....
No. Ahli PPK *..... beralamat.....
.....

BERSETUJU untuk menerima tawaran seperti syarat-syarat berikut:

- (i) Menerima PINJAMAN POKOK bernilai RM(Ringgit Malaysia: sahaja) bagi projek yang diluluskan.
- (ii) Membayar ansuran kepada PPK* dengan kadar ansuran sebanyak RM..... sebulan seperti Jadual Bayaran Balik Pinjaman (Lampiran 6).
- (iii) Membayar kos perkhidmatan sebanyak tiga peratus (3.0%) daripada PINJAMAN POKOK semasa menandatangani perjanjian.
- (iv) Turut serta dalam aktiviti kemasyarakatan dan juga mengikuti apa juga bentuk latihan/kursus yang dianjurkan oleh LPP/PPK/ Jawatankuasa Unit Peladang.
- (v) Menandatangani dan mematuhi syarat-syarat Perjanjian, Dasar dan kaedah-kaedah yang mana tertakluk dalam program ini.

Dengan ini saya mengaku dan berikrar serta menerima tawaran projek seperti syarat-syarat di atas.

.....
(TANDATANGAN PEMINJAM)

NAMA :

NO. K/P :

TARIKH :

LAMPIRAN 5

IKRAR PEMINJAM

IKRAR PESERTA

**PROGRAM TABUNG PEMBANGUNAN USAHAWAN KOR TANI
LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG**

"Saya berikrar dan berjanji kepada Agama, Negara dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) untuk terus berusaha bagi meningkatkan pendapatan dan pengeluaran ke tahap komersil dan cemerlang. Saya bersedia dengan sesungguhnya untuk melaksanakan segala syarat-syarat dan amanah yang diberikan bagi menjamin kejayaan projek di bawah Program Pembangunan Usahawan Kor Tani serta mematuhi segala peraturan dan syarat-syarat yang dikenakan ke atas saya. Semua yang hadir menjadi saksi segala yang saya lafaz dan lakukan"

Ditandatangani oleh :

.....

(Nama :)

No. KP :

Disaksikan oleh :

.....

()

Pengurus Besar

PPK

.....

()

Saksi 1

No. KP :

.....

()

Saksi 2

No. KP :

LAMPIRAN 6

SURAT PEMBERIAN PINJAMAN

**SURAT PEMBERIAN PERUNTUKAN
TABUNG PEMBANGUNAN USAHAWAN KOR TANI (TPUK)
LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG KEPADA
PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN.....**

1. LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP) dengan ini memberi peruntukan bagi pembiayaan berikut :

- i) Jenis Bantuan :
- ii) Jumlah Peruntukan :
 - GRANT :
 - PINJAMAN :
- iii) Nama Peminjam :
- iv) Nama Projek :
- v) Tempoh bayaran Balik :

kepada PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN
tertakluk kepada syarat-syarat seperti perjanjian dan Pekeliling Ketua Pengarah LPP Bil.1/2006.

2. PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN dengan ini bersetuju untuk menerima Peruntukan TPUK tersebut tertakluk kepada syarat-syarat seperti perjanjian dan Pekeliling Ketua Pengarah LPP Bil.1/2006.

Diserahkan Oleh

Untuk dan bagi pihak
LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

Saksi :
Nama :

Diterima Oleh :

Untuk dan bagi pihak
PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN.....

Saksi :
Nama :

LAMPIRAN 7

PENYATA BAYARAN BALIK

PENYATA BAYARAN BALIK PINJAMAN
PROGRAM TABUNG PEMBANGUNAN USAHAWAN KOR TANI
 (PPK :)

Nama Peserta :

Nama PPK :

Jumlah peruntukan diterima RM..... dan bayaran akan dibuat seperti jadual di bawah :

GRANT : RM

PINJAMAN : RM

Bil.	Tarikh Bayaran	Jumlah Pinjaman (RM)	Bayaran Balik (RM)	Baki (RM)	Catatan

.....

Tandatangan Penerima

Nama :

No. KP :

.....

Tandatangan Saksi 1

Nama :

No. KP :

AJK Unit :

.....

Tandatangan Saksi 2

Nama :

No. KP :

AJKUnit :

LAMPIRAN 8

PERJANJIAN ANTARA LPP DENGAN PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN



PERJANJIAN PEMBERIAN PERUNTUKAN

ANTARA

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

DENGAN

PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN

.....

RUJUKAN :

PROJEK :

JUMLAH :

BERTARIKH :

**TABUNG PEMBANGUNAN USAHAWAN KOR TANI (TPUK)
LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG**

**PERJANJIAN PEMBERIAN PERUNTUKAN
TABUNG PEMBANGUNAN USAHAWAN KOR TANI (TPUK)
LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG KEPADA**

PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN

.....

PERJANJIAN ini dibuat pada

ANTARA

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG, sebuah badan berkanun Kerajaan ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973 beralamat di No. 20 Menara LPP, Jalan Sultan Salahuddin, 50480 Kuala Lumpur(kemudian daripada ini disebut sebagai LPP) di satu pihak.

DAN

PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN sebuah pertubuhan perbadanan ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973, beralamat di

(kemudian daripada ini disebut sebagai PPK) di satu pihak lagi.

BAHAWASANYA :

- A. LPP ialah pemilik Peruntukan Tabung Pembangunan Usahawan Kor Tani (selepas ini disebut "TPUK") seperti spesifikasi yang dinyatakan di Jadual Pertama dalam perjanjian ini.

- B. PPK bersetuju menerima dan LPP bersetuju untuk menyediakan Peruntukan TPUK kepada PPK dan membenarkan PPK memberi pinjaman kepada usahawan peladang yang ditentukan oleh LPP untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti yang telah ditetapkan, tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam perjanjian ini.

MAKA KEDUA-DUA PIHAK DENGAN INI BERSETUJU SEPERTI BERIKUT :

1. BALASAN

- 1.1 Sebagai balasan kepada penyerahan Peruntukan TPUK tersebut, PPK bersetuju untuk menyumbang sejumlah wang seperti di Jadual Pertama perjanjian ini atau seperti yang ditentukan oleh LPP dari masa ke semasa kepada TPUK yang diwujudkan oleh LPP; dan
- 1.2 Kos perkhidmatan tiga peratus (3%) daripada PINJAMAN POKOK hendaklah dibayar kepada PPK sebelum pinjaman dikeluarkan kepada PEMINJAM.

2. AKUJANJI PPK

Bahawasanya PPK mengakujaji seperti berikut :

- 2.1 Menggunakan Peruntukan TPUK tersebut hanya bagi urusan pinjaman kepada usahawan peladang (selepas ini di sebut "PEMINJAM") yang telah dipilih oleh LPP sahaja.
- 2.2 Mengadakan pemantauan ke atas projek PEMINJAM.
- 2.3 Membuat kutipan balik pinjaman daripada PEMINJAM mengikut jadual yang telah ditentukan dalam perjanjian antara PPK dan PEMINJAM.

- 2.4 Membayar sumbangan pertama kepada TPUK tiga bulan/tempoh yang ditetapkan selepas PEMINJAM menandatangani perjanjian pinjaman seperti Penyata Bayaran Balik Pinjaman.
- 2.5 Melaporkan kepada LPP setiap penggal (berakhir April, Ogos dan Disember) segala maklumat berkaitan dengan kemajuan projek dan bayaran balik pinjaman atau apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh LPP dari masa ke semasa.
- 2.6 Membenarkan Pegawai-pegawai LPP untuk melawat dan memeriksa rekod-rekod dan akaun projek PEMINJAM untuk memastikan PEMINJAM menjalankan projeknya dengan sempurna.

3. LARANGAN SERAH HAK

PPK sama sekali dilarang menyerah hak Peruntukan TPUK tersebut kepada peminjam/usahawan peladang lain melainkan dengan persetujuan bertulis LPP.

4. PERTIKAIAN

Apa-apa pertikaian yang timbul dalam pelaksanaan Program TPUK tersebut hendaklah diselesaikan secara Rundingan Muhibah/Timbangtara dan jika ianya masih tidak dapat diselesaikan, maka hendaklah dirujuk kepada Ketua Pengarah LPP dan keputusan Ketua Pengarah LPP adalah muktamad.

5. PELBAGAI

- 5.1 Segala notis yang dikehendaki dalam perjanjian ini hendaklah diserahkan kepada pihak masing-masing dan hendaklah dibuat secara bertulis dan diserahkan secara penyerahan ke diri atau secara pos berdaftar di alamatkan ke alamat masing-masing seperti di permulaan perjanjian ini.
- 5.2 Masa di mana jua disebut adalah intipati kepada perjanjian ini.

- 5.3 Semua kos bagi menyediakan perjanjian ini hendaklah ditanggung oleh PPK.
- 5.4 Kedua-dua pihak bagi perjanjian ini bukanlah mengwujudkan perkongsian dan bukan agen atau prinsipal. Oleh itu setiap pihak tidak berhak mewakili antara satu sama lain.
- 5.5 Kedua-dua pihak mengakujaji tidak menamakan antara satu sama dalam apa-apa tindakan mahkamah jika berlaku kerugian yang disebabkan bencana alam, peperangan atau 'force majeure' yang menyebabkan kegagalan mana-mana pihak melaksanakan perjanjian ini.
- 5.6 Perjanjian ini hendaklah mengikat waris, wasi, pengganti atau pentadbir kepada setiap pihak dalam perjanjian ini.

Bahawasanya sebagai memperaku dan menyaksikan perjanjian ini, kedua-dua pihak menurunkan tandatangan masing-masing dihadapan saksi-saksi di bawah ini.

Untuk dan bagi pihak LPP

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Dihadapan saksi :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Untuk dan bagi pihak PPK

Tandatangan :

Nama :

Jawatan : Pengerusi Jemaah Pengarah

Tandatangan :

Nama :

Jawatan : Ahli Jemaah Pengarah

Tandatangan :

Nama :

Jawatan : Ahli Jemaah Pengarah

Dihadapan saksi :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

LAMPIRAN 9

**PERJANJIAN ANTARA PPK
DENGAN PEMINJAM**



PERJANJIAN PINJAMAN

ANTARA

PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN

.....

DENGAN

USAHAWAN KORTANI PELADANG

.....

RUJUKAN :
PROJEK :
PERUNTUKAN :
GRANT :
PINJAMAN :
BERTARIKH :

**PERJANJIAN PINJAMAN
PERJANJIAN PEMBERIAN PINJAMAN
TABUNG PEMBANGUNAN USAHAWAN KOR TANI (TPUK)**

PROJEK :

PERJANJIAN ini dibuat pada..... haribulan 20.....

ANTARA

PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN.....

sebuah pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973 No. Pendaftaran.....

yang beralamat di

(Kemudian daripada ini disebut '**PPK**') sebagai pihak pertama

DENGAN

.....beralamat di

(Kemudian daripada ini disebut '**PEMINJAM**') sebagai pihak kedua).

ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI DAN DISAKSIKAN SEPERTI BERIKUT:

1. Atas permintaan PEMINJAM, PPK bersetuju untuk :

(a) Membiayai projek PEMINJAM bernilai sejumlah RM.....

(Ringgit Malaysia:))

(Kemudian daripada ini disebut '**PINJAMAN POKOK**' dan/atau;

- (b) Menyediakan pinjaman melalui mata benda beserta kos perkhidmatan dan **PINJAMAN POKOK** kepada **PEMINJAM** selepas **PEMINJAM** menandatangani surat perjanjian pinjaman.

2. **PEMINJAM** dengan ini bersetuju:

- (a) Menggunakan **PINJAMAN POKOK** hanya untuk projek yang diluluskan.
- (b) Pinjaman yang diluluskan oleh PPK adalah dalam bentuk wang mata benda.
- (c) Kos perkhidmatan tiga peratus (3%) daripada **PINJAMAN POKOK** hendaklah dibayar sebelum **PINJAMAN POKOK** dikeluarkan.
- (d) Membayar semua **PINJAMAN POKOK** kepada PPK sejumlah Ringgit Malaysia:(RM.....) tiga bulan/tempoh yang ditetapkan selepas **PEMINJAM** menandatangani perjanjian pinjaman mulaiselama bulan mengikut Penyata Bayaran Balik Pinjaman (**Lampiran 6**).
- (e) Tidak menjual, menyewa, memindah milik, menyerahhak, menggadai janji, mencagar atau dengan apa jua cara, melupuskan hakmilik atas harta projek semasa berkuatkuasanya Perjanjian ini tanpa kebenaran bertulis dari PPK sehingga pinjaman selesai dibayar.
- (f) Pembiayaan akan ditangguhkan atau dibatalkan, jika pelaksanaan projek ini menghadapi masalah tanah, lesen, kelulusan pihak berkuasa atau lain-lain yang boleh menghalang pelaksanaan projek atau boleh menggagalkan projek ini.
- (g) Membenarkan PPK mengambil balik mana-mana atau semua barangan yang dibekalkan di bawah pinjaman ini sekiranya dibuktikan bahawa:
 - i. Pinjaman disalahgunakan.
 - ii. Kurang minat atas projek atau projek terhenti atau gagal.

- iii. Menarik diri sebagai peserta projek .
 - iv. Berhenti menjadi ahli PPK.
 - v. Hilang keupayaan dan uzur.
 - vi. Gagal untuk menjelaskan mana-mana tiga (3) ansuran pinjaman.
- h) Membenarkan PPK memasarkan hasil projek.
- i) Jika berlaku apa-apa bencana ke atas diri, keluarga atau pekerja-pekerja atau bencana atau kerosakan ke atas projek ini, tuntutan gantirugi dalam bentuk harta benda atau kewangan tidak akan dituntut daripada PPK. Segala risiko dan tanggungan semasa perjalanan projek ini adalah tanggungan sendiri.
- j) Mengambil insuran perlindungan diri, projek dan pinjaman melalui mana-mana **Skim insuran** yang diiktiraf oleh Bank Negara.
- Nama Syarikat Insuran :
- Nilai Perlindungan :
- No. Polisi Insuran :
- (Sijil Perlindungan di sertakan)**
- k) Melaporkan kepada PPK setiap penggal (berakhir April, Ogos dan Disember) segala maklumat berkaitan dengan kemajuan projek dan apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh PPK atau wakilnya dari masa ke semasa.
- l) Membenarkan Pegawai-pegawai LPP dan PPK untuk melawat dan memeriksa rekod-rekod dan akaun projek untuk memastikan pihak PEMINJAM menjalankan projeknya dengan sempurna.
3. Jika PEMINJAM melanggar mana-mana syarat dalam Perjanjian ini dan berterusan selama tiga puluh (30) hari selepas notis bertulis telah diberi oleh PPK kepada PEMINJAM mengenai pelanggaran syarat, maka PPK boleh

menurut budibicara mutlakny, menamatkan Perjanjian ini. Apa-apa notis di bawah perjanjian ini hendaklah diberi oleh PPK kepada PEMINJAM secara bertulis.

4. PEMINJAM adalah bertanggungjawab bagi pihak diri sendiri, membayar kepada PPK apabila diminta, sejumlah PINJAMAN POKOK yang masih terhutang kepada PPK.
5. Masa di mana jua disebut adalah intipati kepada perjanjian ini.

Bahagian ini sengaja dibiarkan kosong

PADA MENYAKSIKAN PERJANJIAN INI, pihak-pihak dalam perjanjian ini telah menurunkan tandatangan mereka pada haribulan dan tahun yang mula ditulis di atas.

DITANDATANGANI Oleh dan Bagi Pihak PPK

(i) Nama :
No. K/P : (Pengerusi Jemaah Pengarah)
Alamat : PPK

(ii) Nama :
No. K/P : (Ahli Jemaah Pengarah)
Alamat : PPK

(iii) Nama :
No. K/P : (Ahli Jemaah Pengarah)
Alamat : PPK

Di hadapan saksi :

Nama :
No. K/P :
Alamat :

DITANDATANGANI oleh PEMINJAM

Nama :
No. K/P : (Tandatangan)

Di hadapan saksi:

Nama: (.....)
Alamat: (Tandatangan Saksi)
No. K/P :

LAMPIRAN 10

PENERIMA (PPK) :
 PENERIMA PINJAMAN (USAHAWAN) :
 NILAI PINJAMAN POKOK :
 TEMPOH BAYARAN BALIK :
 JUMLAH BAYARAN BALIK :
 JUMLAH SUMBANGAN TPUK :
 BAYARAN SUMBANGAN TPUK SEBULAN :

JADUAL BAYARAN BALIK TPUK

(Jadual hendaklah menjadi sebahagian daripada perjanjian)

TARIKH	SUMBANGAN SEBULAN	BAKI	CATATAN

**PROGRAM TABUNG PEMBANGUNAN USAHAWAN KOR TANI
LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
LAPORAN PRESTASI BAGI BULAN**

A. MAKLUMAT PEMOHON

- 1. Nama Peserta
- 2. PPK
- 3. Unit Peladang

B. ASPEK PROJEK

- | | | | |
|----|------------------------|--|--|
| 1. | Jenis Projek | | |
| 2. | Tarikh Mula Projek | | |
| 3. | Saluran Pasaran | | |
| 4. | Tempat Dipasarkan | | |
| 5. | Harga Jualan (kg/unit) | | |

- | | | <u>BULAN INI</u> | <u>SEHINGGA KINI</u> |
|-----|--------------------------------|---|---|
| 6. | Kuantiti Pengeluaran (mt) | <input style="width: 100%; height: 20px;" type="text"/> | <input style="width: 100%; height: 20px;" type="text"/> |
| 7. | Nilai pengeluaran (RM) | <input style="width: 100%; height: 20px;" type="text"/> | <input style="width: 100%; height: 20px;" type="text"/> |
| 8. | Jumlah Perbelanjaan (RM) | <input style="width: 100%; height: 20px;" type="text"/> | <input style="width: 100%; height: 20px;" type="text"/> |
| 9. | Pendapatan Bersih Sebulan (RM) | <input style="width: 100%; height: 20px;" type="text"/> | |
| 10. | Bilangan Pekerja (orang) | <input style="width: 100%; height: 20px;" type="text"/> | |

